

03/11/1999

Nasib Melayu jika negara tergadai perlu difikirkan

Ibrahim Muhamad

KHABARNYA, beberapa pemimpin Umno Terengganu dikatakan akan mendedahkan beberapa perlakuan kroni yang diupah Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk menjatuhkan mereka (pemimpin negeri) dalam mesyuarat agung bahagian beberapa tahun lalu.

Perbuatan itu menyebabkan beberapa pemimpin bahagian Umno yang terbabit pada waktu itu terpaksa membuat laporan kepada Majlis Tertinggi Umno (MT) mengenai perbuatan tidak bermoral itu.

Walaupun pada dasarnya ia berlaku bukan untuk pilihan raya umum, tetapi setelah pemilihan perwakilan Umno selesai yang kebanyakannya dimenangi oleh orang yang bukan kroni Anwar, kemasukan wang masih berterusan bagi menghadapi persediaan lain.

Kroni yang kebanyakannya daripada golongan muda ini mendakwa dalam kempen mereka dengan menjual nama Anwar yang mengarahkan mereka (kroni) untuk bertanding dalam pemilihan berkenaan.

Sedangkan pada masa yang sama, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua ahli Umno tidak terbabit dalam politik wang untuk memenangi pertandingan terbabit.

Sehinggakan ada pemimpin bahagian yang terbabit di Terengganu terpaksa bekerja siang malam untuk mengumpul penyokongnya supaya tidak dibeli oleh kroni Anwar.

Khabarnya juga kroni Anwar membawa perwakilan yang sudah dibeli ke negara jiran dengan menggunakan peruntukan wang yang besar supaya memastikan calon bukan pilihan kroni kalah.

Memang ada pemimpin Umno di negeri ini menafikannya, tetapi mereka tidak dapat menolak bahawa kemasukan wang dari Anwar untuk menjatuhkan seseorang dalam parti tetap berlaku di negeri ini.

Tetapi disebabkan pemimpin berkenaan mempunyai kewibawaan tinggi dan berkarisma serta dinilai oleh rakyat, maka ia tetap memenangi pemilihan berkenaan dengan cemerlang.

Pada masa yang sama, ahli Umno mengenali siapa sebenarnya yang berada di bawah arahan Anwar dan tidak hairanlah sebahagian daripada mereka kini bersedia untuk meninggalkan Umno.

Hari ini pasti puak yang sebelum ini boleh dibeli dengan murah itu tidak mengakui mereka terbabit dalam kancah berkenaan. Sama ada benar atau sebaliknya tidak penting, kerana yang perlu difikirkan ialah ke mana bangsa Melayu akan pergi jika negara ini tergadai.

Ucapan seorang pemimpin veteran di Terengganu sebelum ini yang berkata, orang Melayu akan menjadi 'orang laut' (seperti pelarian Vietnam) yang meredah Laut China Selatan untuk menyelamatkan diri dan keluarga apabila negara sudah tergadai, amat menarik untuk direnungi.

Negara manakah yang akan menerima rakyat negara ini jika berlaku keadaan sedemikian.

Tetapi berapa ramaikah yang sedar bahawa perjuangan yang sedang dilakukan oleh Barisan Nasional (BN) dengan Umno sebagai tulang belakangnya, adalah untuk mempertahankan tanah air tercinta ini daripada dijajah semula.

Malah, kenyataan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob bahawa MT tidak dapat menghalang jika ada pemimpin yang ingin mengikuti jejak Menteri Besar Johor, Datuk Ghani Othman untuk mendedahkan tembelang Anwar sebelum ini sewajarnya diberikan perhatian.

Kata Khalil, soal pengalaman seseorang yang terbabit dalam pelbagai

masalah ketika dalam politik dan ingin mendedahkannya, MT tidak dapat menghalang kerana ia hak masing-masing.

Katanya, MT boleh mendengar dan memberi pandangan serta membincangkannya sekiranya ia dibangkitkan dalam mesyuarat MT.

Ramai yang melihat kenyataan Khalil adalah satu tanggungjawab besar untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai sesuatu yang sukar dipercayai berlaku dalam negara kecil seperti Malaysia ini tetapi sudah berlaku.

Walaupun skandal yang lebih besar berlaku di negara asing dengan membabitkan ratusan bilion dolar Amerika, pendedahan bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, sebagai sesuatu yang agak luar biasa di negara ini.

(END)